

UMS mampu

keluarkan

ciptaan bermutu

Oleh NIK JASNI

CHE JAAFAR

aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berupaya mengeluarkan hasil penyelidikan dan inovasi bermutu tinggi serta signifikan sebagai penyelesaian kepada masalah semasa yang perlu diatasi, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus J. Ongkili.

Beliau berkata UMS mempunyai komuniti penyelidik berkualiti yang boleh memberi sumbangan besar kepada perkembangan dunia sains dan teknologi melalui hasil penyelidikan dan inovasi mereka.

Katanya, ini dibuktikan dengan hasil penyelidikan menggunakan bahan semulajadi seperti kelapa, manggis dan vanila daripada penyelidik universiti itu yang sememangnya mampu dikomersialkan.

“Ia sememangnya mempunyai mutu, kreatif dan menarik dari aspek aplikasi sains dan teknologi.

“Ini mencerminkan kebolehan dan kemampuan UMS dan penyelidikannya untuk menceburi sains dan teknologi dalam mengeluarkan hasil berkualiti,” katanya.

Kerana itu, beliau meminta agar pameran berkenaan diadakan sekali lagi di Karnival Inovasi Peringkat Negeri agar hasil penyelidikan tersebut dapat didedahkan kepada orang ramai dalam komuniti yang lebih besar.

Katanya, penyelidikan seperti ini memerlukan kerja-kerja terperinci dan bukannya hanya dilaksanakan hanya dengan kerja-kerja asas sahaja.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (PEREKA) 2010 dan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara UMS, Sirim dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), di Dewan Canselor, kelmarin.

Mengenai kerjasama tiga pihak itu, katanya, ia merupakan sesuatu yang amat positif dan relevan untuk perkembangan bidang penyelidikan berkenaan.